



2 September 2014
2 September 2014
P.U. (B) 401

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PEMULAAAN PENYIASATAN DUTI
ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT BATANG
PENULANGAN KONKRIT KELULI DALAM BENTUK
PANJANG LURUS YANG BERASAL DARIPADA ATAU
DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN
REPUBLIK KOREA**

***NOTICE OF INITIATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY
INVESTIGATION WITH REGARD TO IMPORTS OF STEEL
CONCRETE REINFORCING BAR IN STRAIGHT LENGTH
FORM ORIGINATING IN OR EXPORTED FROM THE
PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA AND THE REPUBLIC
OF KOREA***



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PEMULAAAN PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT BATANG
PENULANGAN KONKRIT KELULI DALAM BENTUK PANJANG LURUS YANG BERASAL
DARIPADA ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN REPUBLIK KOREA

(AD 03/14)

MENURUT seksyen 20 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 7 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan Malaysia telah menerima suatu petisyen yang mengatakan bahawa import batang penulangan konkrit keluli dalam bentuk panjang lurus, secara khususnya mengecualikan batang penulangan bulat biasa, iaitu batang penulangan tidak berbunga atau licin dalam bentuk panjang lurus, bersamaan dengan atau kurang daripada 6 meter bagi penggunaan industri bukan binaan, yang berasal daripada atau diekспорт dari Republik Rakyat China dan Republik Korea sedang dilambakkan di Malaysia dan menyebabkan kemudaratan material kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa (“industri Malaysia”).

Petisyen

1. Petisyen itu telah dibuat oleh—

Ann Joo Steel Berhad (4405 M)
Ann Joo Building
2610, Tingkat Perusahaan Tiga
Kawasan Perindustrian Prai
13600 Prai, Pulau Pinang
MALAYSIA,

pengeluar dalam negeri batang penulangan konkrit keluli dalam bentuk panjang lurus bagi pihak industri Malaysia.

Dagangan subjek

2. Dagangan subjek yang dikatakan sedang dilambakkan ialah batang penulangan konkrit keluli dalam bentuk panjang lurus, secara khususnya mengecualikan batang penulangan bulat biasa, iaitu batang penulangan tidak berbunga atau licin dalam bentuk panjang lurus, bersamaan dengan atau kurang daripada 6 meter bagi penggunaan industri bukan binaan yang dikelaskan di bawah Nombor Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7214.20.210, 7214.20.290, 7214.20.910, 7214.20.990, 7228.10.100, 7228.10.900, 7228.20.100, 7228.20.900, 7228.30.100, 7228.30.900, 7228.40.100, 7228.40.900, 7228.50.100, 7228.50.900, 7228.60.100 dan 7228.60.900 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7214.20.31 00, 7214.20.39 00, 7214.20.41 00, 7214.20.49 00, 7214.20.51 00, 7214.20.59 00, 7214.20.61 00, 7214.20.69 00 (“dagangan subjek”). Nombor Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan dagangan subjek.

Pengataan lambakan

3. Pengataan lambakan adalah berdasarkan perbandingan di antara nilai normal dagangan subjek di Republik Rakyat China dan Republik Korea dengan harga eksport yang bersamaan dengannya apabila dieksportkan ke Malaysia. Berdasarkan perbandingan ini, margin lambakan sebagaimana yang dikatakan oleh pempetisyen adalah signifikan bagi pengeluar atau pengeksport itu.

Pengataan kemudaratan

4. Pempetisyen telah menyatakan dan memberikan keterangan bahawa import dagangan subjek dari negara yang dikatakan telah meningkat dari segi kuantiti mutlak. Adalah dikatakan selanjutnya bahawa industri Malaysia telah mengalami kemudaratan melalui kesan lambakan, antara lain, pemotongan harga, kemelesetan harga, penyekatan harga, pengurangan dalam penggajian dan gaji pekerja, kehilangan keuntungan dan pulangan pelaburan.

Tatacara

5. Setelah menentukan bahawa wujudnya keterangan yang mencukupi untuk

mewajarkan suatu penyiasaan duti anti-lambakan dan bahawa penyiasaan sedemikian adalah demi kepentingan awam, Kerajaan memulakan penyiasaan menurut subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994.

5.1 *Soal selidik*

Bagi mendapatkan maklumat yang disifatkan perlu bagi penyiasaannya, Kerajaan akan mengagihkan soal selidik kepada industri Malaysia dan mana-mana persatuan pengeluar di Malaysia, kepada pengeluar atau pengeksport Republik Rakyat China dan Republik Korea, kepada pengimport, kepada mana-mana persatuan pengimport yang dinamakan dalam petisyen dan kepada Kerajaan Republik Rakyat China dan Republik Korea.

Dalam apa-apa keadaan, semua pihak berkepentingan yang tidak dihubungi oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah diundang untuk menghubungi MITI melalui faksimili bagi mengetahui sama ada mereka disenaraikan dalam petisyen. Jika perlu, pihak berkepentingan itu boleh memohon bagi suatu salinan soal selidik itu dengan mengenal pasti jenis aktiviti perniagaan mereka berhubung dengan penyiasaan ini.

5.2 *Pengumpulan maklumat*

Semua pihak berkepentingan diundang untuk memberikan pandangan mereka secara bertulis, khususnya dengan menjawab soal selidik yang dialamatkan kepada mereka dan dengan mengemukakan keterangan menyokong.

Had masa

6. 6.1 *Pihak yang memohon soal selidik*

Semua pihak berkepentingan yang memohon bagi sesuatu soal selidik hendaklah berbuat demikian tidak lewat daripada lima belas hari selepas penyiaran notis ini dalam *Warta*.

6.2 *Pihak yang mengemukakan jawapan soal selidik*

Semua pihak berkepentingan mestilah mengemukakan pandangan mereka secara bertulis dan mengemukakan jawapan soal selidik dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis ini jika pandangan dan pengemukaan itu hendak diambil kira semasa penyiasatan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pengemukaan maklumat bertulis, jawapan soal selidik dan surat-menyurat

7. (1) Semua pengemukaan maklumat, jawapan bagi soal selidik dan surat-menyurat dan permintaan mestilah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos atau faksimili dan dengan jelas menyatakan nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faksimili pihak berkepentingan itu kepada—

Pengarah

Seksyen Amalan Perdagangan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Tingkat 14, Blok 8, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Jalan Duta

50622 Kuala Lumpur

MALAYSIA

Nombor telefon : (603) 6200 0111/115/116

Nombor faksimili : (603) 6203 1745

Alamat e-mel : alltps@miti.gov.my

(2) Sekiranya pihak berkepentingan tidak memberikan maklumat yang perlu atau maklumat dan pandangan itu tidak diterima dalam bentuk yang memadai dalam had masa yang dinyatakan, Kerajaan boleh membuat penentuan awal atau muktamadnya berdasarkan fakta yang ada mengikut seksyen 41 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993.

Bertarikh 29 Ogos 2014
[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/38; PN(PU2)529/XV]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF INITIATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION
WITH REGARD TO IMPORTS OF STEEL CONCRETE REINFORCING BAR IN STRAIGHT
LENGTH FORM ORIGINATING IN OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF
CHINA AND THE REPUBLIC OF KOREA

(AD 03/14)

PURSUANT to section 20 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and regulation 7 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], the Government of Malaysia has received a petition alleging that the imports of steel concrete reinforcing bar in straight length form, specifically excluding the reinforcing bar in plain rounds form, which is a non-deformed or smooth reinforcing bar in straight length form, equal to or less than 6 meters for non-construction industry usage, originating in or exported from the People's Republic of China and the Republic of Korea are being dumped in Malaysia and are causing material injury to the domestic industry in Malaysia producing the like product (the "Malaysian industry").

Petition

1. The petition was lodged by—

Ann Joo Steel Berhad (4405 M)
Ann Joo Building
2610, Tingkat Perusahaan Tiga
Kawasan Perindustrian Prai
13600 Prai, Penang
MALAYSIA,

the domestic producer of steel concrete reinforcing bar in straight length form on behalf of the Malaysian industry.

Subject merchandise

2. The subject merchandise allegedly being dumped is steel concrete reinforcing bar in straight length form, specifically excluding the reinforcing bar in plain rounds form, which is a non-deformed or smooth reinforcing bar in straight length form, equal to or less than 6 meters for non-construction industry usage classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) Number 7214.20.210, 7214.20.290, 7214.20.910, 7214.20.990, 7228.10.100, 7228.10.900, 7228.20.100, 7228.20.900, 7228.30.100, 7228.30.900, 7228.40.100, 7228.40.900, 7228.50.100, 7228.50.900, 7228.60.100 and 7228.60.900 and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7214.20.31 00, 7214.20.39 00, 7214.20.41 00, 7214.20.49 00, 7214.20.51 00, 7214.20.59 00, 7214.20.61 00, 7214.20.69 00 (“subject merchandise”). These H.S. Code Number and AHTN are given only for information and have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

Allegation of dumping

3. The allegation of dumping is based on a comparison of the normal values of the subject merchandise in the People’s Republic of China and Republic of Korea with their corresponding export prices when exported to Malaysia. Based on this comparison, the dumping margins as alleged by the petitioner are significant for that producers or exporters.

Allegation of injury

4. The petitioner has stated and provided evidence that the imports of the subject merchandise from the alleged countries have increased in terms of absolute quantity. It was further alleged that Malaysian industry has suffered injury through the effects of dumping, among others, price undercutting, price depression, price suppression, reduction in employment and wages, loss of profit and return on investment.

Procedure

5. Having determined that sufficient evidence exists to warrant an anti-dumping duty investigation and that such an investigation is in the public interest, the Government initiates an investigation pursuant to subregulation 7(1) of the

Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994.

5.1 *Questionnaires*

In order to obtain information deemed necessary for its investigation, the Government will distribute questionnaires to the Malaysian industry and to any association of producers in Malaysia, to the producers or exporters in the People's Republic of China and the Republic of Korea, to the importers, to any association of importers named in the petition and to the Governments of the People's Republic of China and the Republic of Korea.

In any event, all interested parties not contacted by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) are invited to contact MITI by facsimile in order to find out whether they are listed in the petition. If necessary, such interested parties may request for a copy of the questionnaires by identifying the nature of their business activities in relation to this investigation.

5.2 *Collection of information*

All interested parties are invited to make their views known in writing, in particular by replying to the questionnaires addressed to them and by providing supporting evidence.

Time limit6. 6.1 *Parties requesting questionnaire*

All interested parties requesting for a questionnaire shall do so not later than fifteen days after the publication of this notice in the *Gazette*.

6.2 *Parties submitting questionnaire response*

All interested parties must present their views in writing and submit questionnaire responses within thirty days from the date of publication of this notice if such views and submissions are to be taken into consideration

during the investigation, unless otherwise specified.

Submissions of written information, questionnaire responses and correspondences

7. (1) All submissions of information, questionnaire responses and correspondences and requests must be made in writing and sent by post or facsimile and with clear indication of the name, address, e-mail address, telephone and facsimile numbers of the interested parties to—

Director

Trade Practices Section

Ministry of International Trade and Industry (MITI)

Level 14, Block 8, Government Offices Complex Jalan Duta

50622 Kuala Lumpur

MALAYSIA

Telephone number : (603) 6200 0111/115/116

Facsimile number : (603) 6203 1745

E-mail address : alltps@miti.gov.my

(2) If the interested parties do not provide the necessary information or the information and views are not received in adequate form within the specified time limit, the Government may make its preliminary or final determination on the basis of available facts in accordance with section 41 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993.

Dated 29 August 2014

[MITI:ID/(S)/AP/AD/045/38; PN(PU2)529/XV]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of International Trade and Industry